

30/04/2001

Kebijaksanaan tangani media, diplomat asing

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

PENAHANAN aktivis reformasi mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) sejak awal bulan ini, sekali lagi menjadi tajuk utama media tempatan dan asing. Masing-masing memetik kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai bahawa penahanan itu kerana mereka merancang untuk mempengaruhi demonstrasi jalanan dan bertindak secara militan.

Bagaimanapun, laporan media tempatan dan media asing amat jauh berbeza. Media tempatan menulis berdasarkan fakta mengapa penahanan itu dibuat, sedangkan seperti biasa media asing membuat rumusan dan andaian sendiri mengenai penahanan itu.

Contoh, laporan AFP bertarikh 12 April 2001, pada perenggan kedua melaporkan : "Opposition leaders accused the government of telling fairy tales to thwart a growing anti-Mahathir sentiment and to divert attention from the economic slowdown". (Pembangkang menuduh kerajaan dengan membuat cerita karut bagi mengalihkan sentimen anti-Mahathir dan perhatian daripada kelembapan ekonomi.) Pada masa sama, Reuters memuatkan pandangan dan maksud yang sama dalam laporannya (walaupun mengubah sedikit perkataan yang digunakan AFP).

Laporan media asing dengan agenda tersendiri bukan perkara baru. Mereka tidak akan menulis dengan fakta sebenar, sebaliknya mencari peluang untuk mengutuk dan menghentam pencapaian negara, sama ada dari segi politik, ekonomi, agama atau sosial.

Media asing tidak akan mengaku kalah dan terus 'menyerang' Malaysia dengan laporan memburuk-burukkan negara, walaupun pelabur asing mengiktiraf dan menerima kemajuan Malaysia.

Mengulas perkara ini, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam pertemuan dengan Berita Harian baru-baru ini berkata:

"Kita tidak suka membuat tuduhan (sama ada media asing mendapat sokongan kuasa luar), tetapi kita melihat mereka (media asing) memang cuba mempengaruhi pemerintah masing-masing.

"Jangan lupa, media mempunyai pengaruh kuat dan mempunyai penonton atau pembaca sendiri. Jadi, mereka cuba mempengaruhi pembuat keputusan di negara masing-masing untuk percaya apa yang mereka buat (dalam laporannya).

"Apabila dapat mempengaruhi penontonnya, negara luar itu pastinya tidak akan menyokong Malaysia.

"Namun, ini tidak bermakna media asing boleh menafikan bahawa pada peringkat rantau dan antarabangsa, Malaysia memainkan fungsi positif, terutama dalam menyumbang pemikiran dan idea.

"Kerana itulah, hubungan dua hala kita dengan negara luar, walaupun ada perbezaan politik, masih baik kerana dunia tahu apa yang Malaysia boleh lakukan."

Sambil memberi contoh, Syed Hamid berkata, hubungan perdagangan Malaysia dengan Amerika Syarikat (walaupun kedua-dua negara sering mempunyai perbezaan pandangan dari segi politik) sebenarnya adalah baik. Pelabur Amerika maklum bahawa produk Malaysia bermutu dan mempunyai daya saing tinggi.

Malah, katanya, pelabur Amerika memuji pekerja tempatan kerana mudah mendapat tenaga kerja berdisiplin, bermutu dan boleh berbahasa Inggeris.

"Mereka tahu pulangan pelaburan di sini adalah lumayan, apatah lagi kerajaan tidak pernah menyekat mereka untuk mengeluarkan pulangan masing-

masing," katanya.

Menurutnya, sebagai sebuah negara perdagangan dan pelancongan, Malaysia memerlukan pelaburan terus asing dan kerana itu, setiap kali ada laporan negatif atau tidak tepat mengenai negara ini, Kementerian Luar sebagai kementerian sokongan kepada kementerian lain, akan membuat penjelasan mengenainya kepada media terbabit.

Selain memberi maklum balas kepada wakil media asing di Kuala Lumpur atau terus kepada ibu pejabat media berkenaan, kementerian sentiasa bersikap telus dengan media asing setiap kali mereka memerlukan sesuatu maklumat. Malah, wakil media asing dijemput bersama dalam persidangan berita yang diberikan Syed Hamid.

Wakil Malaysia di luar negara juga akan memberi penerangan mengenai negara kepada kumpulan sasaran di tempat mereka bertugas.

"Tanggungjawab Kementerian Luar adalah secara makro kerana kita mempunyai perwakilan dan kedutaan di luar negara. Duta atau pesuruhjaya kita adalah ketua organisasi bagi Malaysia di luar negara.

"Mereka mengadakan perbincangan sekurang-kurangnya seminggu sekali dan bertemu kumpulan sasaran berbeza bagi menjelaskan keadaan sebenar di Malaysia," katanya.

Malangnya, penerangan diberikan tidak digunakan sepenuhnya oleh wakil media asing untuk menjelaskan keadaan sebenar. Mereka, termasuk rakyat tempatan terus membuat laporan negatif mengenai Malaysia walaupun mengetahui fakta sebenar.

Perkara ini cukup 'menjijikkan' kerana mereka tidak menjalankan tugas dengan penuh etika, sebaliknya mengikut rentak dan kehendak agensi media yang mereka wakili.

Syed Hamid ketika dikemukakan persoalan ini berkata: "Saya fikir kita tidak boleh menganggap mereka berfungsi sedemikian kerana mereka hanya makan gaji dan mencari rezeki.

"Mereka akan melakukan kerja sesuai dengan dasar sesebuah media yang mereka wakili. Mereka mempunyai hak untuk mencari makan di mana-mana, tetapi kita hanya mahu mereka membuat laporan lebih tepat.

"Sebenarnya, masing-masing ada pilihan dalam hidup. Bagi mereka yang berasa bersalah atau tahu apa yang dilaporkan tidak betul, mungkin perasaannya tidak tenteram.

"Tetapi jika ada agenda sendiri, mereka akan penuhi cita-cita dan objektif media yang diwakili.

"Sungguhpun mereka dilihat membuat disservice to the country, (tidak berkhidmat untuk negara), tetapi kita tidak boleh menghenti atau menyekat punca rezeki mereka."

Penjelasan Syed Hamid berasas dan diplomatik, tetapi adakah disebabkan dasar diplomatik yang sentiasa diamalkan negara ini, menyebabkan kerajaan tidak boleh mengambil tindakan terhadap mereka (sama ada media asing atau pemberita yang berkhidmat dengan laman web) yang membuat laporan negatif mengenai Malaysia? Adakah kita sentiasa beralah dan 'memberi muka' kepada golongan yang ternyata tidak akan berhenti daripada menjatuhkan nama baik Malaysia?

"Macam mana hendak mengambil tindakan, selagi mereka tidak melanggar undang-undang? Ini sebenarnya, menunjukkan Malaysia adalah kerajaan demokratik dan media di sini mempunyai kebebasan untuk melapor, walaupun sering kali kita mendengar media asing menyatakan yang akhbar tempatan tidak bebas.

"Kenapa pula dikatakan tidak bebas, sedangkan media asing yang membuat laporan negatif, kerajaan tidak ambil tindakan.

"Bagi kerajaan, selagi laporan mereka tidak mengancam keselamatan dan tidak menyebabkan huru-hara atau tidak menghasut rakyat untuk melakukan sesuatu keburukan, kita tidak akan mengambil tindakan.

"Ini adalah bukti jelas bahawa negara mengamalkan kebebasan akhbar yang lebih terbuka berbanding negara lain," katanya.

Biarpun kerajaan mengakui laporan negatif media asing, lama-kelamaan akan dapat menghasut rakyat untuk bertindak membenci kerajaan, Syed Hamid yakin rakyat tidak akan mudah terpengaruh dengan cerita 'bohong' media asing itu. Ini kerana rakyat tahu bahawa mereka menikmati segala pembangunan yang diusahakan kerajaan sejak negara mencapai kemerdekaan.

Syed Hamid menjelaskan kerajaan sebenarnya, tidak mempunyai sebarang masalah dengan media asing.

Sungguhpun, minat media asing kononnya ingin mendokong kesuburan demokrasi, iaitu laporan yang tidak berat sebelah, beliau berkata, inilah yang membuat mereka mempunyai kecenderungan untuk mengumpul maklumat daripada parti pembangkang.

Bagi pembangkang pula, katanya, mereka menganggap tekanan luar dapat dijadikan landasan bagi menjatuhkan kerajaan. Lantas pembangkang dengan angkuh berasa media asing kini berpihak kepada mereka.

"Kementerian Luar sebenarnya mempunyai hubungan baik dengan media dan kedutaan asing di sini. Perkara ini tidak dilaporkan kerana menjadi tugas rutin kami.

"Namun, bagi pembangkang, hubungan mereka lebih untuk meraih simpati dan mengubah persepsi dunia luar mengenai Malaysia," katanya.

Contoh terbaru pembangkang cuba mendapat sokongan dan simpati pihak asing ialah pertemuan beberapa wakil kedutaan asing di Malaysia dengan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) di Kuala Lumpur, akhir bulan lalu. Pertemuan itu konon bagi memberi maklumat terkini mengenai keadaan kesihatan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menghidap sakit tulang belakang.

Pelbagai reaksi timbul selepas sebuah akhbar tempatan mendedahkan pertemuan berkenaan. Antaranya ialah saranan seorang menteri yang menyatakan kerajaan boleh mengusir kedutaan asing yang didapati mencampuri urusan dalaman negara.

Bagaimanapun, bagi Syed Hamid, isu berkenaan bukan saja berkaitan undang-undang, malah tradisi diplomasi yang digabungkan dalam persidangan Vienna yang melaluinya, mana-mana diplomat diberikan perlindungan ketika menjalankan tugas mengumpul maklumat.

"Cara pengusiran, walaupun kita ada hak mutlak, perlu dilihat dari sudut kepentingan strategik, politik dan ekonomi negara. Jangan hanya kerana didorong perasaan marah, kita mengabaikan kesan kepada tindakan sedemikian.

"Pendekatan kita bukan saja kepada ketegasan dan berani, malah perlu bijaksana," katanya.

Biarpun, kerajaan dilihat sebagai tidak tegas atau 'terlalu baik' kepada wakil asing di negara ini oleh segelintir pihak, Syed Hamid menerangkan bahawa ketegasan adalah mencukupi dengan mengetahui apa yang kumpulan itu lakukan dan memberi amaran bahawa kerajaan tidak bersetuju dengan tindakan mereka.

"Jika kita menggunakan langkah keterlaluan dengan siapa lagi yang kita hendak berdagang? Dengan siapa kita hendak meminta sokongan jika Malaysia ingin menjadi ahli pertubuhan antarabangsa?

"Oleh itu, kita memerlukan kebijaksanaan dan pemikiran mendalam sebelum melaksanakan sesuatu yang boleh memberi kesan lebih buruk kepada negara," katanya.

Apa yang jelas Malaysia bukan kerajaan yang akan menggunakan kuasa sewenang-wenangnya bagi menjatuhkan hukuman terhadap sesiapa, tanpa siasatan dan bukti kukuh. Jika amalan diplomasi dan demokrasi ini tidak dapat dinilai rakyat, sukar bagi Malaysia mencapai tahap lebih membanggakan dalam menghadapi cabaran globalisasi.

Kepada wakil media asing di negara ini yang terus menghentam Malaysia,

hanya satu peringatan yang dapat diberikan: "Malaysia tidak gentar atau
jatuh hanya dengan laporan negatif itu!"
(END)